

13 AUG 1998

ANWAR LAWAT KELANTAN ESOK

KOTA BAHARU, 13 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Kelantan esok.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan Kelantan yang dikeluarkan di sini hari ini, Anwar dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, di sini pada pukul 10.30 pagi.

Beliau kemudian akan menghadiri taklimat oleh Jabatan Pembangunan Negeri Kelantan di bilik gerakan jabatan itu di sini pada pukul 11 pagi berhubung projek-projek pembangunan yang berlangsung di negeri ini

Selepas itu, Timbalan Perdana Menteri akan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Pengkalan Chepa.

Anwar kemudian akan menghadiri jamuan makan tengah hari bersama rakyat di rumah Ketua Umno bahagian Pengkalan Chepa, Datuk Ariffin Hamid.

Anwar dijadual pulang ke ibu negara pada pukul 3 petang.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga dijadualkan melawat Kelantan pada 22 Ogos ini.

Barisan Nasional (BN) Kelantan yang menganjurkan lawatan itu menyusun dua sesi pertemuan sempena lawatan Dr Mahathir, iaitu perhimpunan bersama rakyat yang dirancangkan di Kampung Chengal, Ketereh, kira-kira 20 Km dari sini dan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin komponen BN negeri.

-- BERNAMA

RAR RI